

11 AUG 2001

Megawati-Lawatan

MEGAWATI LAWAT MALAYSIA DUA HARI

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri akan melawat Malaysia pada 27 dan 28 Ogos ini dalam rangka kunjungannya ke negara-negara Asean, kata Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hadi Wayarabi Al-Hadar hari ini.

Beliau berkata Megawati akan melawat semua sembilan negara anggota Asean selain Indonesia dari 20 hingga 29 Ogos bermula dengan Filipina.

"Ini merupakan kunjungan perkenalan sebagai presiden terpilih ke negara-negara Asean," katanya kepada Bernama selepas menghadiri majlis Hari Keluarga bersama masyarakat Indonesia di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Megawati, dipilih sebagai Presiden kelima republik itu oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) pada 23 Julai lepas, menggantikan Abdurrahman Wahid yang dikatakan gagal mengatasi masalah ekonomi dan sosial negara itu.

Kali terakhir beliau berada di Malaysia ialah dari 7 hingga 9 Januari lepas apabila melakukan lawatan rasmi pertama sebagai naib presiden setelah dipilih untuk jawatan itu pada Oktober 1999.

Hadi berkata Megawati dijangka bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi tidak ada agenda khusus disediakan.

Walaupun demikian, soal meningkatkan hubungan terutama dalam bidang perdagangan serta soal perbatasan sama ada darat atau laut dijangka diberi perhatian, katanya.

Menteri Luar Indonesia, Dr Hassan Wirajuda, antara muka baru dalam Kabinet Megawati yang diumumkan dua hari lepas dijangka mengiringi presiden Indonesia itu dalam lawatan berkenaan.

Mengenai Hari Keluarga itu, beliau berkata kira-kira 1,000 orang menyertainya yang diadakan sempena sambutan perayaan Ulangtahun Kemerdekaan ke-56 Republik Indonesia pada 17 Ogos ini.

Pelbagai acara sukan diadakan bagi memeriahkan sambutan Hari Keluarga itu bermula dengan senaman pagi.

-- BERNAMA

AZZ AZZ MOZ